

Uбайдillah bin Abdillah, sesungguhnya Abdullah bin Abbas telah memberitahunya, katanya: Abu Sufyan telah memberitahu saya bahawa Hiraql telah berkata kepadanya : "Saya tanya engkau adakah mereka semakin bertambah atau berkurang. Engkau mengatakan bahawa mereka semakin bertambah. ^{10h} Begitu keadaan iman sehingga ia sempurna. Saya bertanya engkau adakah sesiapa yang murtad kerana bencikan agamanya setelah memasukinya. Engkau menjawab, tidak ada. Demikianlah iman Apabila kemanisannya telah meresapi hati-hati manusia, maka tidak ada sesiapa pun yang akan membencinya".

باب فضل من استبرأ لدينه

39. Bab : Kelebihan Orang Yang Menjaga Kesucian Agamanya.

٥٠ - حَدَّثَنَا أَبُو نَعِيمٍ حَدَّثَنَا زَكَرِيَّا عَنْ عَامِرٍ قَالَ سَمِعْتُ التُّعْمَانَ بْنَ بَشِيرٍ يَقُولُ ﴿ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ الْحَلَالُ بَيْنَ وَالْحَرَامِ بَيْنَ وَبَيْنَهُمَا مُشَبَّهَاتٌ لَا يَعْلَمُهَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ. فَمَنْ أَتَى الْمُشَبَّهَاتِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعَرْضِهِ وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ كَرَّاعٍ يَرْعَى حَوْلَ الْحَبِيبِ يُوشِكُ أَنْ يُوَاقِعَهُ. أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ جَمِىٌّ أَلَا إِنَّ جَمِىَّ اللَّهِ فِي أَرْضِهِ مَحَارِمُهُ. أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ ﴾

50- Abu Nu`aim telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Zakaria' telah meriwayatkan kepada kami daripada `Aamir, katanya saya telah mendengar al-Nu`man bin Basyir berkata: saya telah mendengar Rasulullah SAW bersabda : "Yang halal itu terang dan yang haram itu terang (juga). Di antara kedua-duanya ada beberapa perkara yang keliru (samar), kebanyakan manusia tidak mengetahuinya. Sesiapa yang memelihara diri daripada perkara Syubahat, bererti dia menjaga kesucian agama dan kehormatannya, dan sesiapa yang terjerumus kedalam perkara-perkara syubahat, maka dia seperti penggembala yang melepaskan binatang ternakannya di sekitar kawasan larangan, lambat-laun binatang ternakannya itu akan termasuk ke tempat larangan tersebut. Ketahuilah bahawa setiap pemerintah itu ada kawasan larangannya. Ketahuilah bahawa kawasan larangan Allah di buminya adalah perkara-perkara yang diharamnya. Ingatlah bahawa di dalam tubuh (manusia) ada segumpal daging, apabila ia baik, baiklah seluruh

jasad dan apabila ia rusak maka rosaklah seluruh jasad. Ketahuilah ia adalah jantung (hati)./ *hadi Saeban*

بَابُ آدَاءِ الْخُمْسِ مِنَ الْإِيمَانِ

40. Bab : Menunaikan Khumus Adalah Sebahagian Daripada Iman.

٥١ - حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ الْجَعْدِ قَالَ أَخْبَرَنَا شُعْبَةُ عَنْ أَبِي جَمْرَةَ قَالَ ﴿كُنْتُ أَقْعُدُ مَعَ ابْنِ عَبَّاسٍ يُجْلِسُنِي عَلَى سَرِيرِهِ فَقَالَ أَقِمْ عِنْدِي حَتَّى أَجْعَلَ لَكَ سَهْمًا مِنْ مَالِي. فَأَقَمْتُ مَعَهُ شَهْرَيْنِ ثُمَّ قَالَ إِنَّ وَقْدَ عَبْدِ الْقَيْسِ لَمَّا أَتَوْا النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ الْقَوْمُ أَوْ مِنَ الْوَقْدِ؟ قَالُوا رِبِيعَةٌ. قَالَ مَرْحَبًا بِالْقَوْمِ أَوْ بِالْوَقْدِ غَيْرَ خَزَائِنَا وَلَا نَدَامَى. فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا لَا نَسْتَطِيعُ أَنْ نَأْتِيكَ إِلَّا فِي الشَّهْرِ الْحَرَامِ وَبَيْنَنَا وَبَيْنَكَ هَذَا الْحَيُّ مِنْ كُفَّارٍ مُضَرٍّ. فَمَرْنَا بِأَمْرِ فَضْلِ تُخَيْرِيهِ مِنْ وَرَاءِنَا وَتَدْخُلُ بِهِ الْجَنَّةَ. وَسَأَلُوهُ عَنِ الْأَشْرِيَةِ فَأَمَرَهُمْ بِأَرْبَعٍ وَنَهَاهُمْ عَنْ أَرْبَعٍ. أَمَرَهُمْ بِالْإِيمَانِ بِاللَّهِ وَحْدَهُ. قَالَ أَتَذَرُونَ مَا الْإِيمَانُ بِاللَّهِ وَحْدَهُ؟ قَالُوا اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَغْلَمُ. قَالَ شَهَادَةُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ وَصِيَامُ رَمَضَانَ وَأَنْ تُعْطُوا مِنَ الْمَعْتَمِ الْخُمْسَ. وَنَهَاهُمْ عَنْ أَرْبَعٍ عَنِ الْحَنَمِ وَالِدَبَاءِ وَالْقَتِيرِ وَالْمُرْقَفِ , وَرَبَّمَا قَالَ الْمُقِيرِ وَقَالَ احْفَظُوهُمْ وَأَخْبِرُوا بِهِنَّ مَنْ وَرَاءَكُمْ ﴿

51- 'Ali bin al-Ja'd telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Syu'bah telah meriwayatkan kepada kami daripada Abi Jamrah katanya : Aku selalu duduk di samping Ibnu Abbas. Beliau menyuruh aku duduk di atas katilnya. Beliau berkata : "tinggallah bersama kami beberapa lama agar dapat kuberikan kepadamu sebahagian dari hartaku". Maka akupun tinggal bersamanya selama dua bulan, kemudian beliau berkata : "Ketika rombongan Abdul Qais datang kepada Nabi SAW, Baginda SAW bertanya: "Siapakah orang-orang itu? Atau siapakah rombongan itu? Mereka memberitahu: "Rabi'ah". Nabi SAW mengucapkan: "Selamat datang kepada orang-orang atau rombongan Rabi'ah yang bertandang dalam keadaan tidak terhina dan tidak menyesal. Mereka berkata: "Wahai Rasulullah, kami tidak dapat datang kepadamu kecuali pada bulan haram. Di antara kami dengan kamu ada Qabilah Kuffar Mudhar. Oleh itu perintahkan kami dengan sesuatu

perkara yang jelas supaya dapat diceritakan kepada orang-orang tidak datang (pada kali ini) dan kami pula dapat masuk syurga kerananya. Mereka (juga) telah bertanya Nabi SAW tentang minuman. Maka Nabi SAW menyuruh mereka melakukan empat perkara dan melarang mereka daripada empat perkara. Baginda SAW menyuruh mereka beriman kepada Allah sahaja, lalu bertanya : "Tahukah kamu apa itu beriman kepada Allah sahaja?". Mereka berkata: "Allah dan Rasulnya sahaja yang tahu". Nabi SAW bersabda: "Bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah, Muhammad adalah rasul Allah, mendirikan sembahyang, memberi zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan memberikan Khumus (satu perlima kepada pihak kerajaan) daripada harta ghanimah (rampasan perang). Rasulullah SAW selanjutnya melarang mereka daripada empat perkara: "Al-
hantam/ Hantum (tempayan-tempayan hijau), al-Dubba' (bekas daripada labu kering), al-Naqir (umbi/pangkal pokok kurma yang ditebuk untuk menyediakan arak) dan al-Muzaffat (bekas yang dilumur tar untuk membuat arak)". Perawi berkata, mungkin katanya : "al-
Muqayyar/ Muqayar". Seterusnya Nabi SAW berpesan: "Ingatlah semua perkara itu dan ceritakan tentangnya kepada orang-orang di belakangmu (yang tidak datang).

باب مَا جَاءَ إِنْ الْأَعْمَالِ بِالْثَنَاءِ وَالْحَسْبَةِ وَلِكُلِّ أَمْرٍ مَا بَوَىٰ فَدَخَلَ فِيهِ الْإِيمَانُ وَالْوُضُوءُ وَالصَّلَاةُ وَالزَّكَاةُ وَالْحَجُّ وَالصَّوْمُ
 وَالْأَحْكَامُ وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى (قُلْ كُلُّ يَعْمَلْ عَلَىٰ شَاكِلَتِهِ) عَلَىٰ نِيَّةٍ نَفَقَةُ الرَّجُلِ عَلَىٰ أَهْلِهِ يَحْسِبُهَا صَدَقَةً وَقَالَ النَّبِيُّ
 صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَكِنْ جِهَادٌ وَبَيَّةٌ

41
41. Bab : Amalan Itu DiKira Mengikut Niat Dan Keikhlasan, Setiap Orang Mendapat Apa Yang Diniatkannya. Termasuklah Di Dalamnya Iman, Wudhu', Sembahyang, Zakat, Haji, Puasa Dan Segala Hukum Yang Lain. Allah Berfirman: "Tiap-tiap Orang Beramal Mengikut Keadaannya" Iaitu Niatnya. Perbelanjaan Seseorang Terhadap Keluarganya Dengan Ikhlas Adalah Sedekah. Nabi SAW Bersabda : Tetapi Yang Tetap Akan Ada Ialah Jihad Dan Niat.